# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

15 MAC 2019

JUMAAT


| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| HARIAN METRO | SULTAN JOHOR TITAH TUBUH JAWATANKUASA KHAS | 2 |
| HARIAN METRO | TANGGUH DAKWA SUSPEK | 3 |
| HARIAN METRO | JOHOR MASIH UPAYA KAWAL | 4 |
| HARIAN METRO | 2.43 TAN KIMIA DIBERSIHKAN | 5 |
| NEW STRAITS TIMES | MINISTRIES TEAMING UP TO SOLVE CRISIS | 6 |
| NEW STRAITS TIMES | TOXIC WASTE DUMPING GOING ON FOR YEARS, SAYS EXPERT | 7 |
| UTUSAN MALAYSIA | KERAJAAN NEGERI DAKWA GAGAL URUS PENCEMARAN | 8 |
| UTUSAN MALAYSIA | PEMBERSIHAN SUNGAI KIM-KIM BERMULA | 9 |
| BERITA HARIAN | JUMLAH DAPAT RAWATAN MENINGKAT 2,775 | 10 |
| BERITA HARIAN | SULTAN IBRAHIM GESA TUBUH JAWATANKUASA | 11 |
| KOSMO | SULTAN JOHOR MAHU MB TUBUH JAWATANKUASA KHAS | 12 |
| SINAR HARIAN | TIADA PENGISYTIHARAN DARURAT | 13 |
| SINAR HARIAN | ‘ADA LAGI LONGGOKAN TONG MISTERI’ | 14 |
| SINAR HARIAN | ‘BELUM SAMPAI TAHAP ITU’ | 15 |

# HARIAN METRO

15-03-2019 setempat 15 A
HARIAN METRO

## Sultan Johor titah tubuh jawatankuasa khas

**Johor Bahru:** Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah supaya Menteri Besar, Datuk Osman Sapian menubuhkan satu jawatankuasa khas dengan segera bagi menangani isu pencemaran sisa kimia Sungai Kim Kim.

Baginda bertitah, jawatankuasa itu perlu merangka satu prosedur operasi standard (SOP) yang perlu dipatuhi semua pihak bagi memastikan kejadian sama tidak berulang di Johor.

"Perkara lain yang perlu diutamakan adalah pembangunan sistem amaran awal sekiranya berlaku pencemaran udara mahupun air.

"Dengan adanya sistem berkenaan, sekiranya berlaku apa-apa pencemaran sama ada di udara atau air, pihak berkuasa dapat memberi amaran awal kepada penduduk.

"Pada masa sama, penduduk juga dapat membuat persiapan awal manakala pasukan kecemasan atau pihak berkuasa dapat bergerak lebih awal," titahnya melalui Royal Press Office (RPO), semalam.

Terdahulu, Sultan Johor berkenan berangkat ke Hospital Sultan Ismail (HSI) untuk melawat mangsa pencemaran sisa kimia yang masih mendapatkan rawatan.

Baginda bertitah, demi mengutamakan keselamatan rakyat, Baginda berkenan mengurniakan sumbangan peribadi berjumlah RM1 juta bagi memperhebatkan operasi menyelamat, merawat serta mencegah pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.

Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah bertitah, sumbangan itu bagi membolehkan agensi penyelamat serta pihak berkuasa terbabit dalam operasi itu melengkapkan pasukan masing-masing dengan kemudahan yang diperlukan.

"Tuanku Sultan ada membincangkan perkara ini dengan saya sebagai Penasihat Diraja Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) dan Baginda tersentuh apabila mendengar satu klip rakaman seorang lelaki menangis sambil meminta bantuan menyelamatkan anaknya.

"Tuanku Sultan turut berpendapat dengan sumbangan peribadi Baginda, ia dapat membantu pihak berkuasa serta agensi penyelamat seperti Bomba dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) memperlengkapkan pasukan membantu rakyat," titahnya kepada RPO yang disiarkan dalam muat naik Facebook baginda.

Dalam satu kenyataan sebelum ini, Sultan Johor murka dan kesal terhadap mereka yang terbabit dalam kes pembuangan bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim, Pasir Gudang sehingga memudaratkan kesihatan murid, pelajar sekolah serta orang awam sekitar kawasan itu.

Baginda mahu pihak berkuasa melakukan siasatan menyeluruh terhadap insiden itu serta mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang melakukan perbuatan itu.



HARIAN METRO

# Tangguh dakwa suspek

## Kertas siasatan dipulang pejabat pendakwa




**Johor Bahru**

Pendakwaan ke atas suspek utama kes pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang di sini yang dijadualkan semalam tidak dijalankan.

Ia berikutan kertas siasatan dipulangkan semula ke Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor untuk dilengkapkan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahruddin Jamal berkata, kertas siasatan dihantar ke Pejabat Timbalan Pendakwa Raya, selesai menjalankan siasatan ke atas suspek.

"Kertas siasatan dihantar ke Pejabat Timbalan Pendakwa Raya namun JAS diminta menambah maklumat penting untuk melengkapkan kertas siasatan itu," katanya.

Beliau berkata, pendakwaan belum dijalankan hingga pihaknya mendapat arahan lanjut daripada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya.

"Pendakwaan masih belum lagi (dibuat) hingga mendapat arahan lanjut dari Timbalan Pendakwa Raya," katanya.

Terdahulu, seawal jam 8 pagi, lebih 20 pengamal media menunggu di pekarangan Kompleks Mahkamah Johor Bahru bagi membuat liputan pendakwaan ke atas suspek yang dijadualkan, semalam.

**FAKTA**
*Lebih 20 pengamal media tunggu di pekarangan Kompleks Mahkamah Johor Bahru buat liputan*

Semalam, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin dalam satu sidang media berkata, pengusaha kilang penguraian tayar haram di Kulai akan didakwa di mahkamah, semalam.

Suspek itu dipercayai menjadi dalang pembuangan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim 7 Mac lalu.



# HARIAN METRO



Hairulazim Mahmud, Ibrahim Isa, Mary Victoria Dass, Izlaily Nurul Ain Hussein, Rizanizam Abdul Hamid, Hafidzul Hilmi Mohd Noor, Mohd Azam Shah Yaacob dan Ekhwan Haque Fazlul Haque
am@hmetro.com.my

HARIAN METRO

RACUN SUNGAI KIM KIM



KERJA pembersihan giat dilakukan di kawasan terjejas pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim.

# JOHOR MASIH UPAYA KAWAL

■ *Tiada pengisytiharan darurat bencana di kawasan terjejas setakat ini*

**Kuala Lumpur**

Tiada pengisytiharan darurat bencana di kawasan terjejas sisa toksik di Pasir Gudang, Johor walaupun setakat ini sudah lebih 1,000 orang awam di kawasan itu terjejas kesihatan sejak 7 Mac lalu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mohamed Hanipa Maidin ketika menggulung usul pengisytiharan darurat bencana yang dibawa Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) pada sesi khas Sidang Dewan Rakyat di sini, semalam berkata:

"Tiada permintaan daripada kerajaan negeri untuk mengisytiharkan darurat bencana sedangkan mengikut Akta Majlis Keselamatan Dalam Negeri (MKN) 2016, permintaan mesti datang daripada kerajaan negeri.

"Tahap bencana pula adalah tahap dua iaitu di peringkat negeri di mana tahap pertama ialah daerah diikuti negeri dan nasional.

"Semalam (kelmarin), kerajaan negeri sudah memutuskan mereka berupaya untuk mengawal keadaan," kata Mohamed Hanipa.

Beliau berkata, walaupun kerajaan tidak mengisytiharkan darurat di kawasan itu, usaha pengurusan dan mitigasi yang dijalankan di lokasi itu kini melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan seolah-olah dalam keadaan darurat.

Terdahulu, lima menteri dan timbalan menteri membahaskan usul berkenaan iaitu Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik.

Selain itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub serta Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majilis turut membahaskan usul berkenaan.

Penyokong kerajaan pula ialah Steven Choong (PH-Tebrau) manakala wakil pembangkang ialah Datuk Seri Ahmad Mazlan (BN-Pontian) dan Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man (PAS-Kubang Kerian).

Mohamed Hanipa berkata, Kerajaan Pusat juga sudah meluluskan bantuan sebanyak RM8 juta untuk kerja-kerja pembersihan Sungai Kim Kim.

Katanya, selain itu, aset-aset juga sudah berada di kawasan terjejas seolah-olah seperti darurat diisytiharkan.

Dalam pada itu, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Datuk Mohammad Arif Md Yusof berkata, tiada undian akan dilakukan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1).



SEORANG mangsa terhidu gas kimia berbahaya dibawa ke HSI untuk mendapatkan rawatan di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih.





# HARIAN METRO








ORANG ramai di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih bagi mendapatkan rawatan kecemasan dipercayai terhidu gas kimia berbahaya.









## 2.43 tan kimia dibersihkan

**Johor Bahru:** Sebanyak 2.43 tan sisa bahan kimia yang dibuang ke dalam Sungai Kim Kim, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang di sini, dikumpulkan dalam operasi pembersihan pada hari pertama kejadian itu dilaporkan, 7 Mac lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahruddin Jamal berkata, jumlah sisa bahan kimia yang dikumpulkan itu hanya pada hari pertama sehingga operasi pembersihan tamat jam 11 malam.

Beliau sehubungan itu menegaskan tidak timbul isu kerajaan negeri dan agensi kerajaan lambat memberi tindak balas dalam insiden itu kerana proses membersihkan sisa bahan kimia dibuat dari hari pertama insiden dilaporkan.

"Pihak berkuasa menerima laporan berhubung insiden ini pada jam 5.15 pagi dan tindakan segera dibuat khususnya menerusi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor.

"Lokasi pembuangan dikenal pasti pada jam 9.30 pagi, sebelum kerja pembersihan awal dibuat membabitkan beberapa agensi kerajaan," katanya pada sidang media di Pusat Gerakan Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri di Menara Aqabah, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini, semalam.

Menurut Sharuddin, bagaimanapun kerja pembersihan terpaksa dihentikan pada hari kedua (8 Mac) berikutan makluman daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) bahawa sisa buangan bahan kimia itu berbahaya dan memerlukan kaedah pembersihan yang mematuhi peraturan keselamatan.

Katanya, kerja pembersihan disambung semula kelmarin oleh syarikat kontraktor pembersihan yang pakar dalam menguruskan bahan kimia berjadual.

"Bacaan kualiti udara setakat ini adalah pada tahap yang baik dan normal, namun ia boleh berubah mengikut keadaan cuaca," katanya.

## Pakar kendali sisa kimia

**Kuala Lumpur:** Empat pegawai dan 21 anggota Unit Peninjau Kimia, Biologi, Radiologi dan Nuklear (CBRN) daripada 12 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) yang dilengkapi peralatan khusus serta pakar dalam mengendalikan sisa bahan kimia beracun digerakkan ke Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor, semalam.

Pasukan itu dilengkapi peralatan khas seperti pengesan bahan kimia mudah alih (LCD) ChemPro, peralatan persampelan, sut lengkap CBRN, sut Tyvek, alat pernafasan (BA), sarung tangan Nitrile dan topeng muka N95 akan membantu Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (HAZMAT) menjalankan operasi pembersihan di tempat kejadian.

Tentera Darat (TD) dalam satu kenyataan di sini, semalam, berkata selain pasukan itu, TD juga akan menghantar pasukan Nyah Cemar CBRN bagi melaksanakan tugas pembersihan di situ.

"Buat masa ini, pasukan peninjau CBRN itu sudah melapor di Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) di Dewan Serbaguna Taman Pasir Putih, Pasir Gudang.



# NEW STRAITS TIMES





*Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad arriving at the Sultan Ismail Hospital in Johor Baru yesterday.* PIC BY ANUAR RAHIM



*This is believed to be the area in Sungai Kim Kim, near Pasir Gudang, where toxic waste was dumped recently, triggering the pollution crisis.* BERNAMA PIC

TOXIC WASTE

## MINISTRIES TEAMING UP TO SOLVE CRISIS

Environment, health defence, education and agriculture ministries working round the clock

SYED UMAR ARIF
**KUALA LUMPUR**
cnews@nstp.com.my

SEVERAL ministries are working round the clock to resolve the toxic waste crisis in Pasir Gudang.

Deputy Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Isnaraissah Munirah Majilis said officers from other states had been sent to Johor to investigate 254 chemical factories in Pasir Gudang within the next three days.

She said 29 investigators from the Johor Department of Environment (DoE) were divided into six teams for the probe.

"The (federal) DoE has been instructed to get help from other states. Thirteen teams made up of 40 investigators from other states have been on the ball since early today (yesterday).

"The police have also erected blockades in the area (district) to monitor the movement of illegal solid waste.

"DoE will continuously examine samples of water from at least three illegal toxic dumping sites in Sungai Kim Kim," she said during a debate on the extraordinary motion tabled by Hassan Abdul Karim (Pakatan Harapan-Pasir Gudang) in Parliament yesterday on whether there was a need to declare a state of emergency.

Isnaraissah said Petronas also played a role in the operation through the use of its "air dispersal modular", which could disperse toxic vapour.

She said four additional contractors had been hired to carry out the clean-up.

Defence Minister Mohamad Sabu said the army's chemical, biological, radioactive, nuclear, explosive (CBRNE) team was working to locate, identify and dispose of the toxic source.

"The emergency combat unit is also on location. The situation is serious.

"The army is ready to be there and work hard until the situation returns to normal."

Education Minister Dr Maszlee Malik said besides ensuring the safety of schoolchildren near the river, the ministry would also financially help those affected by the crisis.

"Students who were treated in hospitals will be insured under takaful and the ministry will help them to make claims.

"We have mobilised our machinery from the state and district Education Departments to monitor the movement of school staff and children over concerns about their wellbeing."

He said the Johor Disaster Management Committee assisted the Education Ministry with coordinating agencies.

"(For instance,) we have worked together to manage victims by converting the Taman Pasir Putih and Taman Mawar community halls into treatment operation centres."

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said there were 1,568 victims up to yesterday.

Of the number, 1,171 victims received outpatient treatment, while 397 were warded, including 13 admitted into Intensive Care Units.

Six psychosocial response teams had been mobilised to provide emotional support and counselling to patients, as well as check on food in the district to ensure they were safe for consumption.

"Only seven patients remain in the ICU. Seventy patients have been discharged.

"We are carrying out risk evaluation on water catchment areas as a preemptive measure. R95 masks have been distributed as the (toxic waste) is an oil-based solvent."

He said no death had been reported.

"Do not believe in rumours about deaths. Please refer to official statements."

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub said agencies under his ministry had been working to provide support.



# NEW STRAITS TIMES







*A Hazmat team conducting checks at Sungai Kim Kim in Pasir Gudang yesterday.* PIC BY HASAN ISMAIL

## Toxic waste dumping going on for years, says expert

**KUALA LUMPUR:** The dumping of toxic waste in Sungai Kim Kim has apparently been happening for years.

Long-suffering residents have alerted the authorities to the matter, but it seems nothing has been done to address it.

The *New Straits Times* was alerted to the matter by water quality and modelling specialist Dr Zaki Zainudin, who has been monitoring the river for nearly 10 years.

"The ecological disaster of Sungai Kim Kim was a tragedy waiting to happen.

"It was an open secret that the river had been turned into a dumping site since 2012."

Citing one of his earliest visits to the river in 2012, Zaki said locals told him about suspicious black patches flowing into the river, usually appearing at night, on the weekends and after heavy rain.

He said locals had complained about it to the authorities, including the Department of Environment (DoE), but there was no response.

"The problem has now reached a bigger scale. There were signs of illegal dumping happening all this while. People voiced their concerns, but no action was taken.

"Only when things are bad do the authorities look into it."

Zaki said he last checked the river in 2017 and discovered the previously brown water of Sungai Kim Kim had turned black.

"In five years, the water had deteriorated beyond imagination," he said, adding that an analysis of the water sample from the river showed it had zero oxygen levels with no aquatic life.

"The river is technically dead."

Zaki said many rivers in the country were being polluted, but what happened to Sungai Kim Kim was the "fastest deterioration" he had seen.

He said the problem could have been checked in 2012 when people started to notice the illegal dumping, if not for the lethargic reaction of the authorities.

He noted that Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin had revealed that 25 rivers — 16 in Johor, five in the Klang Valley, three in Penang and one in Melaka — were categorised as class five.

He said Sungai Kim Kim's rapid death was due to a cocktail of issues — illegal dumping of waste for many years, the rapid development of the Tanjung Langsat industrial area, the characteristic of the river itself and a possibly ineffective sewage treatment plant upstream.

He said companies dumping toxic waste into the river were smart as they did it in different locations and different times.

He said due to the river's slow-moving water, the toxic waste remains in it for a long time.

On top of the toxic waste, he said, locals and experts also noticed black residue upstream near a sewage treatment plant.

"Sungai Kim Kim is much more sensitive to pollution and with the accumulated toxic discharges thrown in, the river never had a chance."

Yeo told the Dewan Rakyat on Wednesday that toxic substances that polluted the river were linked to chemicals used to recycle tyres.

She said DoE had sent samples to the Chemistry Department for a more detailed analysis. The results, she said, found organic solvents such as delaminate, which was used in tyre pyrolysis.

The owner of a chemical factory in Kulai was arrested on Sunday in a joint operation by DoE and police. On Wednesday, the owner and a worker of a shredded waste factory from Taman Pasir Putih in Pasir Gudang were arrested.

**By Tasnim Lokman**



> *The ecological disaster of Sungai Kim Kim was a tragedy waiting to happen. It was an open secret that the river had been turned into a dumping site since 2012.*
>
> **DR ZAKI ZAINUDIN**
> Water quality and modelling specialist



# UTUSAN MALAYSIA



PENCEMARAN SISA TOKSIK DI PASIR GUDANG



SEORANG penduduk kampung dibawa menaiki ambulans untuk ke Hospital Sultan Ismail bagi mendapatkan rawatan selanjutnya di Pusat Kawalan Lapangan Dewan Komuniti Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, semalam. – BERNAMA

## Kerajaan negeri didakwa gagal urus pencemaran

**JOHOR BAHRU 14 Mac** – Bekas Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menyifatkan kerajaan negeri Pakatan Harapan (PH) sebagai gagal dalam menguruskan kes pencemaran toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang sejak seminggu lalu.

Naib Presiden UMNO itu berkata, kerajaan negeri juga tidak sewajarnya menyalahkan pembangkang dalam isu tersebut kerana mereka bersuarademi kesihatan dan keselamatan rakyat terutama di Pasir Gudang.



MOHAMAD HASAN

Menurutnya, mereka bukan mahu berpolitik atau mahu mempolitikkan isu berkenaan tetapi kesal dengan sikap angkuh dan penafian diri Menteri Besar, Datuk Osman Sapian.



MOHAMED KHALED

Beliau turut menyelar kerajaan negeri dan Osman yang menyifatkan kejadian itu tidak serius, malah peruntukan juga lambat disalurkan hanya kerana memikirkan kos penyelenggaraan.

"Kenapa kerajaan negeri menyatakan perkara ini tidak serius sedangkan setiap hari ada peningkatan jumlah mangsa?

"MB jangan angkuh dan menyalahkan pembangkang atas isu ini kerana ini melibatkan keselamatan penduduk di Pasir Gudang," katanya di sini hari ini.

Beliau tidak mempersoalkan kejadian itu, namun, apa yang dipersoalkan bagaimana kerajaan negeri menangani masalah tersebut dengan efisien dan mengapa mengambil masa yang lama.

Selain itu, tambahnya, tidak ada satu pun cara berkala yang dilakukan, malah tiada juga pengumuman dari semasa ke semasa sedangkan rakyat kini berada dalam keadaan tidak tenteram lebih lagi kerja pembersihan sungai tidak dilakukan dengan segera.

Sementara itu, UMNO mendesak supaya sebuah Kertas Putih disedia dan dibentangkan segera di Parlimen susulan kejadian pencemaran toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor.

Timbalan Presiden UMNO yang menjalankan tugas-tugas Presiden, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, Kertas Putih itu nanti mestilah menjelaskan bagaimana kejadian itu bermula, sebab-sebab di sebalik kelewatan tindakan oleh kerajaan negeri dan langkah menangani kesan jangka masa panjang.

"Krisis seperti ini harus ditangani dengan pantas dan menyeluruh. Selain itu, UMNO berharap bahawa pihak di sebalik pertumpahan sisa kimia ini akan mengambil tanggungjawab.

"Hanya melalui penyediaan Kertas Putih, segala ketelusan yang diperlukan dapat dipersembahkan kepada umum. Ia juga akan dapat mengenalpasti segala kelemahan yang mesti segera diperbaiki selain mencari siapa yang harus dipertanggungjawabkan atas kelemahan dalam menangani krisis ini secara pantas dan berkesan," katanya menerusi kenyataan di sini hari ini.

## Pakar gesa isytihar darurat

**KUALA LUMPUR 14 Mac** – Kerajaan negeri digesa mengisytiharkan darurat di kawasan tertentu di Pasir Gudang, Johor selepas insiden pencemaran toksik di Sungai Kim Kim menjadi semakin kritikal.

Langkah itu menurut Felo Penyelidik Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Komoo adalah mengelakkan penduduk di kawasan yang tercemar mengalami masalah kesihatan jangka panjang.



WAN RAMLI

"Kerajaan negeri perlu memastikan keselamatan penduduk di kawasan yang berisiko tinggi terjamin dengan memindahkan mereka ke tempat yang lebih selamat. Pengisytiharan darurat perlu dilaksanakan sehingga keadaan benar-benar pulih.

"Jumlah mangsa yang meningkat ketika ini adalah kerana kesan jangka pendek pencemaran toksik itu. Yang lebih bahaya adalah kesan jangka panjang terhadap mangsa kerana mampu menyebabkan pelbagai komplikasi penyakit merbahaya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mengulas lanjut, kerajaan negeri menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS) perlu mengambil langkah pantas untuk membendung jumlah mangsa daripada terus meningkat kerana dikhuatiri akan menyebabkan keadaan lebih buruk berlaku.

Katanya, tindakan lambat daripada pihak bertanggungjawab menjaga keselamatan rakyat secara tidak sengaja menyebabkan lebih ramai penduduk setempat menjadi mangsa pencemaran tersebut.

Sementara itu, Presiden Akamdei Sains Islam Malaysia (Asasi), **Prof. Datuk Ir. Dr. Wan Ramli Wan Daud** mencadangkan kerajaan negeri untuk meminta bantuan daripada syarikat bahan kimia untuk membersihkan sisa kimia di Sungai Kim Kim.

Menurut Wan Ramli, syarikat berkenaan mempunyai alat penuras yang boleh digunakan untuk menyerap sisa toksik organik yang terapung di permukaan Sungai Kim Kim.

## Pendakwaan suspek ditangguh

**JOHOR BAHRU 14 Mac** – Seorang pengusaha kilang tayar kitar semula yang mengakibatkan pencemaran toksik Sungai Kim Kim di Pasir Gudang ditangguhkan pendakwaannya hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Sahruddin Jamal berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri masih menunggu arahan daripada pejabat Timbalan Pendakwa Raya (DPP).

"Kertas siasatan mahkamah telah dihantar kepada Pejabat DPP dan pihak JAS di minta untuk menambah beberapa lagi maklumat untuk melengkapkan kertas siasatan tersebut.

"Justeru, pendakwaan masih belum dapat dibuat lagi sehingga arahan lanjut daripada pihak DPP diterima," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

## Johor nafi lambat bertindak

**PASIR GUDANG 14 Mac** – Kerajaan negeri menafikan pihaknya lambat bertindak dalam insiden pencemaran toksik di Sungai Kim Kim yang berlarutan sejak 7 Mac lalu sehingga menyebabkan 111 buah sekolah di daerah ini terpaksa ditutup.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Sahruddin Jamal berkata, agensi kerajaan terlibat telah mengambil langkah pencegahan awal.

Menurut beliau, pada 7 Mac lalu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menerima laporan pada pukul 5.15 pagi, sebelum bergegas ke lokasi.

"Agensi-agensi terlibat telah berjaya menemui lokasi pembuangan toksik pada pukul 9.30 pagi, sebelum operasi pembersihan awal terus dilakukan.

"Sehingga pukul 11 malam hari itu, sebanyak 2.43 tan sisa kimia telah dibersihkan dan dihantar ke tempat pelupusan yang dilesenkan Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di Pusat Gerakan Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri di Menara Aqabah, di sini hari ini.



# SINAR HARIAN



**PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM**

LAPORAN: MOHD FIRDAUS YON, SHAFIQ TINO, MASTURAH SURADI, RAZIATUL HANUM A RAJAK, NURUL FIRDAUS KHAIRI, JANATUL FIRDAUS YAACOB, NURUL HUDA HUSAIN, NINA FARZUIN MD SHAROM, IZYAN LIYANA MOHD DARIF, MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI & NOOR AINULYAKIN ISHAK FOTO: ROSLI TALIB & RAJA JAAFAR RAJA ALI

## Tiada pengisytiharan darurat

*Kerajaan Johor masih berupaya kawal bencana di Pasir Gudang*

KUALA LUMPUR

Kerajaan tidak berhasrat mengisytiharkan Pasir Gudang sebagai kawasan darurat susulan pencemaran toksik di Sungai Kim Kim.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang), Mohamed Hanipa Maidin **(PH - Sepang)** berkata, ini kerana Kerajaan Negeri Johor masih berupaya menangani bencana berkenaan.

Meskipun tiada pengisytiharan darurat, namun katanya, kerja dilaksanakan di Pasir Gudang dilakukan seperti darurat.

"Berdasarkan keputusan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Johor kelmarin membuat keputusan Kerajaan Johor masih berkeupayaan menangani isu ini.

"Isu ini masih belum tahap bencana sehingga perlu diisytiharkan darurat," katanya di Dewan Rakyat, semalam ketika sesi perbahasan sama ada perlu diisytiharkan darurat atau tidak.

Menurutnya, Kerajaan Persekutuan bagaimanapun mengambil perhatian serius dan turun padang membantu.

"Kerajaan Persekutuan akan beri bantuan kos operasi pembersihan kimia dan menanggung bersama kerajaan negeri, selain bantuan wang ehsan yang akan diberi kepada setiap keluarga yang terkesan di mana senarai itu akan diputuskan Jabatan Bencana Daerah," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Persekutuan bersetuju memperuntukkan RM8 juta untuk kerja pembersihan sungai terlibat secepat mungkin.

Perbahasan usul bermula jam 4.30 dan tamat sekitar jam 5.30 petang itu dibacakan Hassan Abdul Karim **(PH - Pasir Gudang)** yang meminta agar Dewan mengizinkan beliau membawa usul itu bagi menangguhkan Dewan mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (1).

FOTO: BERNAMA



Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim ketika membahas usul tergempar darurat mengenai pencemaran bahan kimia di kawasan Sungai Kim Kim kawasan Pasir Gudang Johor Bharu pada Persidangan Dewan Rakyat, semalam.

FOTO: BERNAMA



Pasukan Unit Hazmat (Bahan Berbahaya) Jabatan Bomba dan Penyelamat melakukan kerja-kerja pemeriksaan di kawasan insiden pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim, semalam.

### PENGISYTIHARAN DARURAT BENCANA



- Darurat Bencana ditakrifkan sebagai satu keadaan bencana besar melibatkan banyak nyawa terkorban, kemusnahan harta benda yang ekstensif, menggugat keadaan sosial, ekonomi dan politik serta keselamatan dan ketenteraman awam.
- Pengisytiharan Darurat Bencana apabila perlu dibuat secara peraturan pentadbiran dan eksekutif oleh Perdana Menteri atas syor Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP), tertakluk kepada undang-undang dan tatacara kerajaan yang sedang berkuat kuasa.
- Apabila diisytiharkan Darurat Bencana, pengurusan bencana serta bantuan dan pemulihan kepada mangsa-mangsa bencana akan dikendali dan dibiayai Kerajaan Persekutuan mengikut Kementerian atau Jabatan berkaitan.

Kes-kes yang pernah diisytihar darurat:

1. Darurat Jerebu Sarawak 1997
2. Jerebu Pelabuhan Klang 2005 (Indeks Pencemaran Udara atau API lebih 500)
3. Jerebu Muar dan Ledang 2013 (API lebih 750)

** Sumber - Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma)*

### JOM SOLAT

JUMAAT • 15 MAC 2019 • 8 REJAB 1440

*Rapatkan Saf, Teluskan Niat, Tulus Beribadah*

| | SUBUH | SYURUK | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| PERLIS | 6:10 | 7:26 | 1:30 | 4:42 | 7:31 | 8:41 |
| ALOR SETAR | 6:09 | 7:24 | 1:30 | 4:42 | 7:31 | 8:40 |
| PULAU PINANG | 6:09 | 7:23 | 1:30 | 4:41 | 7:31 | 8:40 |
| IPOH | 6:07 | 7:20 | 1:28 | 4:37 | 7:29 | 8:38 |
| KOTA BHARU | 6:06 | 7:18 | 1:23 | 4:35 | 7:24 | 8:29 |
| KUALA TERENGGANU | 5:58 | 7:14 | 1:19 | 4:30 | 7:20 | 8:29 |
| KUANTAN | 5:59 | 7:15 | 1:20 | 4:28 | 7:21 | 8:30 |
| KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA | 6:04 | 7:19 | 1:25 | 4:34 | 7:27 | 8:36 |
| SHAH ALAM | 6:04 | 7:18 | 1:25 | 4:34 | 7:27 | 8:36 |
| SEREMBAN | 6:03 | 7:18 | 1:23 | 4:31 | 7:25 | 8:34 |
| BANDAR MELAKA | 6:02 | 7:18 | 1:23 | 4:30 | 7:25 | 8:33 |
| JOHOR BAHRU | 5:56 | 7:11 | 1:16 | 4:22 | 7:18 | 8:27 |

## Sultan Ibrahim sumbang RM1 juta

**JOHOR BAHRU** - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan mengurniakan sumbangan RM1 juta bagi memperhebatkan operasi menyelamat, merawat serta mencegah pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim.

Menerusi catatan dalam laman *Facebook* Sultan Johor, Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah bertitah, sumbangan itu juga membolehkan agensi penyelamat memperlengkapkan pasukan masing-masing dengan kemudahan diperlukan.

"Tuanku Sultan membincangkan perkara ini dengan saya sebagai Penasihat Diraja Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan baginda amat tersentuh mendengar sebuah klip rakaman seorang lelaki menangis sambil meminta bantuan menyelamatkan anaknya.

"Tuanku Sultan berpendapat sumbangan peribadi baginda dapat membantu pihak berkuasa serta agensi penyelamat perlengkapkan pasukan demi membantu rakyat," titah Permaisuri Johor kepada Royal Press Office (RPO) yang dimuat naik ke *Facebook* rasmi Sultan Johor, semalam. - *Bernama*



# SINAR HARIAN



HUBUNGI SKUAD PONTIAN NOR AZURA BINTI MD AMIN - 019 7901918

## 'Ada lagi longgokan tong misteri'

*Cetus kebimbangan penduduk susulan kes toksik di Pasir Gudang*

NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN



Dari kiri: Abdul Majid, Abdul Rashid dan Zainuzabha menunjukkan keadaan tong dari luar sebuah stor simpanan di Kampung Parit Pak Intan.

Longgokan tong misteri di tepi jalan Kampung Parit Pak Intan dekat Pekan Parit Sikom di sini, kembali mencuri tumpuan selepas setahun tular dan dilaporkan akhbar tempatan.

Penularan berita tong misteri itu, dikaitkan kebimbangan orang ramai dalam tempoh pencemaran bahan toksik di Pasir Gudang.

Sinar Harian semalam, melakukan tinjauan bersama penduduk kampung dan wakil ADUN Pulai Sebatang ke lokasi stor penyimpanan tersebut.

Hasil tinjauan mendapati, masih terdapat tong-tong putih dilonggok di dalam kawasan stor yang jelas kelihatan dari luar.

Imam Masjid Kampung Parit Pak Intan, Abdul Majid Sapak berkata, dia tidak terkejut dengan penularan longgokan tong misteri di media sosial itu.

Katanya ini kerana, masalah itu belum diselesaikan meskipun mendakwa lawatan agensi terlibat seperti Jabatan Alam Sekitar sudah pun dilakukan.

"Penduduk diberitahu tong itu mengandungi baja. Bahan baja, kami tidak tahu mungkin bahaya untuk kesihatan. Tetapi tengok pokok-pokok di sekeliling layu," katanya.

Beliau berharap agar penularan berita tong misteri itu akan membuka mata pihak berkuasa untuk mengambil tindakan lebih tegas kepada pemilik stor.

"Penduduk mahu stor berkenaan dipindahkan ke lokasi lain. Tidak sesuai dibuka di kawasan kampung lebih-lebih dekat dengan kebun dan ladang yang jadi tempat penduduk mencari rezeki," katanya.

Setiausaha Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, Abdul Rashid Taib, 45, berharap ia diselesaikan dengan stor terbabit dia-rah berpindah.

Katanya, langkah itu penting bagi menjamin kehidupan harmoni dan selamat tanpa bimbang dengan ancaman bahan kimia mahupun toksik berbahaya.

Sementara itu, Pegawai Khas kepada ADUN Pulai Sebatang, Zainuzabha Baharom berkata, isu berkenaan menjadi perkara utama yang dibawa setiap kali mesyuarat tindakan daerah.

"Saya difahamkan Jabatan Alam Sekitar sudah pun memberikan notis supaya stor itu dikosongkan.

"Kita juga mendesak agar tindakan segera diambil kerana kawasan tersebut dirasakan tidak sesuai sebagai lokasi stor penyimpanan kerana terletak dalam kawasan kampung," katanya.

**info**

**Penduduk mahu stor didakwa tempat simpan baja dipindahkan**

